



**GEREJA KRISTUS LIKAS**  
Mengenal dan Memperkenalkan Kristus  
Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais  
Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**  
P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558  
<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Triniti 1 - 2 Jun 2024

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa dan kekal, oleh Roh-Mu seluruh tubuh Gereja diperintah dan dikuduskan; dengarlah doa kami bagi semua umat-Mu yang setia, supaya masing-masing dalam panggilan dan pelayanannya melayani Engkau dalam kekudusan dan kebenaran untuk kemuliaan Nama-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan dan Penyelamat kami. Amin.



**Kamu telah melakukannya untuk Aku. - Matius 25:40**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. MINGGU TRINITI

Bermula hari ini kita berada dalam satu tempoh yang dipanggil Minggu-minggu Trinititi, atau 'hari Ahad biasa'. Penekanan umum ibadah kita ialah tentang 'kehidupan orang Kristian'. Kita ada musim dari Adventus hingga Pentakosta, tentang 'kehidupan Kristus'. Tempoh Trinititi ini berlangsung selama setengah tahun, dan akan membawa kita ke Adventus, pada bulan Disember; di mana keseluruhan kitaran bermula sekali lagi. Dengan cara ini, kita berusaha untuk memahami dengan lebih lengkap tentang kehidupan Yesus dan bagaimana kita, sebagai pengikut-Nya, harus mengikut Dia. Nikmatilah Tuhan.

## 2. TERIMA KASIH ATAS DOANYA

- Acara 'Kesyukuran Penuaian' Ahad lepas mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Jutaan terima kasih kepada semua yang menjayakannya, dan kepada mereka yang mengambil bahagian. Kita memuji Tuhan untuk keluarga yang besar dan pelbagai yang kita miliki bersama.
- Kesemua 40 orang muda-mudi kita telah selamat kembali dari Tawau selepas menyertai Konferensi Muda-mudi di sana. Perjalanan pulang mereka dengan menaiki bas selama 12 jam yang melelahkan. Ucapan terima kasih; kepada semua pemimpin pemuda-pemudi kita, ibu bapa, dan pihak lain yang menyumbang. Segala kemuliaan hanya kepada Tuhan.
- Sementara itu, Rev. Samuel dan keluarga sedang bercuti. Ps. Margaret dan Adriene, sedang berada di Seria, Brunei, untuk mengendalikan khemah kanak-kanak dan melatih guru-guru dalam pelayanan kanak-kanak.



## 3. BAZAR DI GEREJA MANGGATAL

ESOK - 3 Jun, 8:00 pg-4:00 ptg. Dana diperlukan untuk membina pagar gereja. Kunjungi deretan gerai tersedia - makanan, tumbuhan, alat, deko, dll. Kupon dijual.



Beli untuk diri sendiri dan rakan-rakan anda.

#### 4. **ULANG TAHUN CCL YANG KE-55**

Tahun ini, kita sudah mencecah 55 tahun!! Pada 22 Jun 1969, bangunan gereja kita telah didedikasikan untuk menyembah Tuhan. Kita bersyukur. Perayaan kita, akan berlangsung pada hari Ahad, 23 Jun ini:

- Kebaktian pagi dijalankan seperti biasa; diikuti dengan jamuan.
- 2:00 petang - pecah tanah untuk 'Projek Labur' (rumah paderi & rumah staf). Bisyop Kenneth Thien, mewakili Bisyop Melter, akan mengendalikannya majlis tersebut.
- 3:00 petang - sukan keluarga 'HAHA-DAY' untuk kita semua. Bisyop Kenneth akan memulakan acara tersebut.


#### 5. **ULANG TAHUN ARK YANG KE-20**

Kampung Persaraan Anglikan (ARK) telah genap 20 tahun, pada tahun ini. Mulanya sebagai kediaman para pesara untuk ahli Anglikan kita, kini telah berkembang untuk melayani warga emas dari latar belakang yang berbeza. Penghuninya kini penuh. Perayaan tersebut juga pada 23 Jun:

- 4:00 petang - Kebaktian Kesyukuran. Bisyop Kenneth, mewakili Bisyop Melter, akan memberikan ucapan.
- 5:00 petang - Makan Malam Kesyukuran; dengan penghuni di sana.

#### 6. **PELAYANAN-PELAYANAN LAIN**

- Sabtu depan, 8 Jun, 9:30 pagi - **Pelayanan Evergreens**; Dewan Omega. Perayaan 'pesta dumpling' Cina. Warga emas dialu-alukan.
- Khamis, 13 Jun, 10:00 pagi - **lawatan ke ARK**, untuk merayakan Hari Bapa. Jika anda ingin menyertai lawatan ini, sila maklumkan kepada Ps. Margaret, atau daftar di meja pelayanan jemaat.
- 18-20 Jun - **Konferensi Kaum Lelaki BM**, Telupid. Butiran dan pendaftaran di meja pelayanan.
- 8-10 Julai - **Retreat Warga Emas BC & BI**, di Sandakan. Butiran dan pendaftaran di meja pelayanan jemaat. Lebih 30 orang dari gereja kita telah mendaftar. Kami mengalu-alukan lebih banyak lagi penyertaan.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Uncle Kwong & keluarga sebagai tanda kesyukuran.
- **Sekolah St. Agnes** - pendaftaran untuk kemasukan Darjah 1, 2025, kini dibuka. Sila daftar di sekolah.



**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## Minggu Kebajikan

# Memberi kepada orang miskin

*"Siapa menaruh belas kasihan kepada orang yang lemah, memiutang TUHAN, yang akan membalas perbuatannya itu." - Amsal 19:17*

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Jelaskan tentang seseorang yang sangat kaya yang anda kenali. Apa yang membuatkan anda fikir dia kaya? Jelaskan pula seseorang yang sangat miskin yang anda kenali. Mengapa anda fikir dia miskin?
2. Terdapat pelbagai jenis kemiskinan - fizikal, rohani, sosial, atau lain-lain. Bagaimanakah Allah memandang seseorang yang miskin secara fizikal (material)? Baca Imamat 19:10, Ulangan 24:15, Amsal 19:17.
3. Yesus mengajarkan sebuah perumpamaan tentang mengundang 'orang miskin, orang cacat, orang lumpuh, orang buta' - Lukas 14:13-14. Apakah yang kita dapati tentang sikap Yesus terhadap orang-orang tersebut?
4. Tuhan memberkati Gereja Awal. Ia berkembang sangat cepat. Apakah yang harus menjadi salah satu faktor kepada pertumbuhan ini? Baca Kis 2:45. Bagaimanakah kita boleh mengamalkan prinsip tersebut pada hari ini dalam gereja kita? Berikan beberapa contoh sebenar.
5. Apakah beberapa cara yang dilakukan oleh Diosis Sabah untuk membantu golongan miskin dan memerlukan? Bagaimana pula cara gereja kita membantu mereka yang memerlukan? Lalu, bagaimana kita boleh memainkan peranan kita dalam memberi pertolongan?
6. Baca 1 Timofius 6:17-19 sebagai kesimpulan. Berdoalah untuk satu sama lain - agar Tuhan memberi kemakmuran kepada kita, dan membantu kita menjadi pemurah.

## UNTUK DIDOAKAN

### Sabah yang tercinta

- agar kekayaan negeri kita yang tercinta dapat dikongsi secara adil  
[ berdoa untuk komitmen demi untuk mengutamakan kebaikan rakyat ]

### Diosis yang dikasihi

- agar kita dapat memperbaharui pengabdian diri kita untuk kesejahteraan jemaah Tuhan  
[ berdoa untuk Jawatankuasa Kebajikan kita – baik peringkat diosis dan gereja ]

### Diri sendiri

- supaya kita boleh belajar untuk berkongsi sumber-sumber yang kita ada  
[ berdoa untuk pelayanan kasih bagi mereka yang memerlukan - orang sakit, miskin, dan orang kelainan Upaya ]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

## **MESEJ UNTUK HARI KEBAJIKAN DIOSIS 2024**

Shalom, Saudara-saudari dalam Kristus. Saya membawa salam mesra dalam nama Tuhan kita Yesus Kristus dari Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis (DW&DR), terutamanya semasa bulan, Hari Kebajikan Diosis ini. Saya merasa gembira dan diberkati dapat melayani Tuhan dan Diosis Anglikan kita melalui pelayanan yang bermakna ini. Terima kasih atas doa-doa anda yang penuh kasih dan sokongan kewangan yang ikhlas sepanjang tahun 2023 yang membolehkan Lembaga kami membantu dan menyentuh banyak kehidupan dalam pelbagai cara.

1) Pusat Pembelajaran Alternatif Seguntor, Sandakan & Pusat Pembelajaran Komuniti Kundasang yang masing-masing dikendalikan oleh Gereja St Michael dan Semua Malaikat Sandakan dan Gereja St. Paul, Ranau didedikasikan untuk pelayanan pendidikan mereka dalam kalangan anak-anak pekerja asing yang tidak berdokumen. Lembaga DW&DR kami akan terus menyokong kedua-dua pusat tersebut dengan geran tahunan hampir RM100,000.00. Marilah kita berdoa untuk pelajar-pelajar ini agar mereka cemerlang dan akan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat kita.

2) Persekutuan Penjara Sabah – Lembaga DW&DR kami telah memberikan geran tahunan sebanyak RM30,000.00 untuk menyokong kerja dan pelayanan mereka dalam kalangan banduan, baik yang masih di dalam penjara mahupun yang telah dibebaskan. Tolong ingat mereka di dalam doa semasa mereka menjalani pemulihan ke dalam masyarakat kita.

3) Pendidikan – Lembaga DW&DR kami telah menerima lebih banyak permohonan Geran Pengajian Pelajar Sekali Sahaja sejak tahun lepas kerana kami melihat pemohon dari pelbagai gereja di seluruh Diosis kita. Ini adalah petanda yang sangat baik kerana para paderi Diosis kita menggalakkan para pelajar muda untuk melanjutkan pelajaran dan mencapai masa depan yang lebih baik. Lembaga kami telah membantu sepuluh pelajar yang layak dan wajar menerima dengan jumlah keseluruhan RM20,500.00 sepanjang tahun 2023. Kami akan berusaha membantu seberapa banyak pelajar yang mungkin untuk mencapai cita-cita mereka dalam kuota tahunan kami.

4) Bantuan Kewangan – Lembaga DW&DR kami juga menyediakan pelbagai bantuan kewangan kepada jemaat Diosis yang dilanda bencana. Kami telah memberikan dana kepada sebuah keluarga di Tawau tahun lepas, di mana rumah kayu mereka telah runtuh dan memerlukan bahan untuk membina semula. Semasa banjir di kawasan Nabawan pada bulan Oktober 2023, kami menyediakan Bantuan Banjir kepada empat keluarga yang memerlukan bantuan kewangan. Pada bulan Mei 2024, kami menyumbang dana untuk membantu 25 keluarga dalam kerja penanaman semula padi mereka akibat kemarau di Daerah Misi Sook baru-baru ini. Dana Bantuan Kebakaran juga diberikan kepada dua keluarga yang kehilangan rumah mereka dalam kebakaran baru-baru ini di Penampang. Secara keseluruhannya, Lembaga kami telah memberikan RM14,000.00 kepada mereka yang memerlukan bantuan semasa kecemasan. Namun, saya yakin bahawa Lembaga kami boleh melakukan lebih banyak lagi untuk membantu apabila para paderi Diosis kita membawa perhatian segera kepada kebajikan ahli-ahli paroki yang memerlukan.

5) Projek berkaitan komuniti – dari masa ke semasa, Lembaga DW&DR kami akan mengenal pasti projek yang layak untuk dilaksanakan dalam Diosis bagi meringankan dan memperbaiki kehidupan peribadi, sosial dan ekonomi semua jemaat Diosis.

Lembaga DW&DR kami mengharapkan sumbangan kewangan yang murah hati dan sokongan doa yang tidak berbelah bagi sepanjang tahun ini sehingga tahun depan. Anda boleh menyumbang melalui gereja setempat anda dengan menggunakan sampul surat gereja atau sampul biasa dan mencatatkan juga "Untuk Dana Kebajikan". Sebagai alternatif, anda boleh memindahkan atau memasukkan sumbangan anda melalui akaun HSBC DIOCESE OF SABAH No. 392-013397-001 atau akaun RHB No. 2101 03 0000 9829 dan menyatakan "Untuk Dana Kebajikan dari ...nama Gereja". Sila hantar slip bank-in anda ke Bahagian Akaun Diosis melalui Whatsapp @ 016-833 3371 atau e-mel: lilyliu@gmail.com.

Saya dan ahli Lembaga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua di atas sumbangan setia yang mungkin menyentuh lebih banyak kehidupan. Haleluya... Puji Tuhan!!

Dalam Kristus kita melayani

Pengerusi Lembaga Kebajikan dan Bantuan Bencana Diosis